



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
KUCHING SARAWAK

[www.poliku.edu.my](http://www.poliku.edu.my)

# LAPORAN TAHUNAN 2018

## POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

POLIKU TANGGUNGJAWABKU

KM22, JALAN MATANG  
93050 KUCHING  
SARAWAK



# **LAPORAN TAHUNAN 2018**

**“Pemerkasaan Politeknik Kuching Sarawak”**

## PENGENALAN

Politeknik Kuching Sarawak (PKS) merupakan politeknik yang kelima ditubuhkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. PKS menawarkan 13 program di peringkat Diploma dan 2 program di peringkat Pra-Diploma.

Jadual – Program Ditawarkan

Bil	Program	Jabatan
1	Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan	Jabatan Kejuruteraan Awam
2	Diploma Kejuruteraan Awam	
3	Diploma Geomatik	
4	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Komunikasi)	Jabatan Kejuruteraan Elektrik
5	Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	
6	Diploma Kejuruteraan Mekanikal	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
7	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan)	
8	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)	
9	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Penyamanan Udara dan Penyejukbekuan)	
10	Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia)	Jabatan Kejuruteraan Petrokimia
11	Diploma Akauntasi	Jabatan Perdagangan
12	Diploma Pengajian Perniagaan	
13	Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)	Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
14	Program Pra-Diploma (Sains)	Jabatan Matematik, Sains dan Komputer
15	Program Pra-Diploma (Perdagangan)	Jabatan Perdagangan

PKS telah ditubuhkan pada tahun 1988. Penubuhannya selaras dengan objektif untuk menampung keperluan sumber tenaga kerja terlatih dalam memenuhi aspirasi negara ke arah perindustrian dan seterusnya untuk meningkatkan daya saing dalam pasaran dunia.

Pada peringkat awal penubuhannya, PKS beroperasi di sebuah bangunan rumah kedai di Simpang Tiga, Kuching dengan teraju utamanya Encik Mustapa Bin Mohamed sebagai pengetua pertama. Perkembangannya diikuti dengan pembinaan kampus tetap PKS dengan keluasan tanah seluas 112 ekar. Kampus PKS terletak kira-kira 23 kilometer dari pusat bandaraya Kuching dan kedudukannya di kaki Gunung Serapi dan bersebelahan dengan Taman Negara Kubah memberikan persekitaran pembelajaran yang sesuai dan kondusif untuk pengajian pembelajaran dan perkembangan sahsiah pelajar.




## KEPIMPINAN PKS

Pada 12 Februari 2017, Pengarah Politeknik Kuching Sarawak yang baru iaitu Encik Kamaludin Daud telah mendarat di Bumi Kenyalang menggantikan tempat mantan Pengarah Tn. Hj. Muhamad Rumzi Mamat. Di bawah pimpinan Encik Kamaludin Daud bersama dengan organisasi jawatankuasa yang diketuainya, PKS memainkan peranan serius dalam melahirkan graduan yang holistik. Encik Kamaludin Daud bersama dengan dua rakan seperjuangannya iaitu Encik Chow Tio Kiong selaku Timbalan Pengarah Akademik dan Encik Mohamad Khirudin Bin Amdan selaku Timbalan Pengarah Sokongan Akademik telah merancang dan memastikan semua perancangan dapat dilaksanakan dengan efektif.



Gambar: En. Kamaludin Daud, Pengarah PKS (Tengah) bersama dengan En. Chow Tio Kiong (Kanan) dan Encik Mohamad Khirudin Bin Amdan (Kiri).



## **VISI DAN MISI PKS**

Visi PKS iaitu menjadi institusi TVET premier yang diterajui industri menjelang tahun 2020 manakala misi PKS adalah menyediakan akses kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf, menghasilkan graduan yang seimbang, holistik dan berkualiti berdaya keusahawanan melalui program pengajian yang dinamik dan mampan.

Selain itu, piagam pelanggan yang ditetapkan seperti berikut:

- Proses pendaftaran pelajar diselesaikan pada hari yang sama pelajar berdaftar (1 hari).
- Penyediaan kad pelajar disiapkan selewat-lewatnya 2 minggu selepas proses pendaftaran.
- Proses PLSP dilaksanakan secara sistematik, terancang dan berkesan.
- Keputusan peperiksaan akhir diproses mengikut takwim yang dikeluarkan oleh JPP.
- Status maklum balas aduan pelanggan akan dimaklumkan kepada pengadu dalam tempoh 21 hari bekerja selepas diterima.
- Memastikan semua program yang ditawarkan mendapat akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebelum pelajar menamatkan pengajian.

Sehubungan itu, dasar kualiti PKS adalah

“Membangunkan potensi pelajar ke arah kecemerlangan dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan teknologi maklumat dan komunikasi melalui penambahbaikan yang menyeluruh secara berterusan. PKS komited untuk memastikan kehendak pelanggan dipenuhi melalui pencapaian objektif-objektif kualiti yang disemak secara berkala bagi memastikan keberkesanan sistem. Dasar ini disebarluaskan untuk difahami oleh semua peringkat staf”.

## **SEKAPUR SIRIH**



Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam POLIKU Sayang Tanggungjawabku.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada seluruh warga Politeknik Kuching Sarawak kerana berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan 2018 Politeknik Kuching Sarawak. Buku Laporan Tahunan ini merupakan suatu dokumentasi yang boleh dijadikan sebagai rujukan dan panduan tentang pelaksanaan program dan aktiviti yang telah disempurnakan sepanjang tahun 2018 oleh Politeknik Kuching Sarawak (PKS).

Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan pada tahun 2018 selaras dengan visi, misi serta moto PKS, "POLIKU Tanggungjawabku". Perkara ini dibuktikan melalui dokumentasi aktiviti-aktiviti seperti yang terdapat di dalam Buku Laporan Tahunan PKS 2018. Aktiviti dan program yang dijalankan bertujuan untuk menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran serta memantapkan lagi kecekapan dan kemahiran para pelajar.

Saya berharap agar segala usaha gigih warga PKS dalam merealisasikan program dan aktiviti pada tahun 2018 tidak berakhir setakat itu sahaja. Sebaliknya, dalam menggalas cabaran bagi menambah baik pendidikan TVET di negara ini, seluruh warga PKS perlu terus bersedia untuk melaksanakan pelbagai tugas yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab dan ikhlas. Warga PKS juga perlu sentiasa membuka minda dan peka kepada amalan-amalan terbaik (*best practices*) yang dilaksanakan sama ada di dalam mahupun di luar lingkungan institusi ini, bagi meningkatkan lagi pencapaian PKS secara keseluruhannya.

Saya amat berbesar hati atas kejayaan semua warga PKS dalam menyempurnakan tugas sepanjang tahun 2018 dan mendoakan agar PKS dapat bergerak dengan lebih cemerlang selari dengan visi dan misi Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya dan hasrat kerajaan amnya.

Terima kasih.

KAMALUDIN BIN DAUD  
Pengarah  
Politeknik Kuching Sarawak

## KEMASUKAN DAN ENROLMEN PELAJAR

Sepanjang Semester Disember 2017, jumlah enrolmen pada semester berkenaan adalah sebanyak 4865 orang pelajar di mana 2469 orang pelajar lelaki dan 2396 orang pelajar perempuan. Berpandukan statistik yang dipaparkan di bawah, jumlah kemasukan pelajar pada Semester Disember 2017 adalah sebanyak 639 orang terdiri daripada 322 orang pelajar lelaki dan 317 orang pelajar perempuan. Bilangan kemasukan pelajar bagi Semester Jun 2018 telah meningkat kepada 1106 orang pelajar dengan kadar peningkatan sebanyak 42.2 peratus di mana 595 orang pelajar lelaki dan 511 orang pelajar perempuan. Dengan bilangan enrolment yang semakin tinggi telah meletakkan tanggungjawab yang besar ke atas PKS untuk terus komited menghasilkan graduan yang menyeluruh.

Nama Program	Kemasukan		Enrolmen	
	Semester Disember 2017	Semester Jun 2018	Semester Disember 2017	Semester Jun 2018
Diploma Kejuruteraan Awam	78	149	616	628
Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan	36	41	183	180
Diploma Geomatik	15	44	213	216
Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)	10	46	193	177
Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	41	115	395	428
Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan)	0	0	114	52
Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)	87	134	274	387
Diploma Kejuruteraan Mekanikal	51	124	521	553
Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)	25	76	272	273
Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan)	6	34	111	105
Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Penyamanan Udara dan Penyejukbekuan)	6	24	78	88
Diploma Akauntasi	49	104	493	527
Diploma Pengajian Perniagaan	98	104	590	569
Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia)	26	77	380	348
Pra-Diploma Perdagangan	38	34	38	34
Pra-Diploma Sains	73	0	73	49

## Jadual – Kemasukan dan enrolmen PKS mengikut jantina

Semester Disember 2017

### POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

Kod	Kod Rasmی	Nama	Kemasukan			Enrolmen			Output		
			L	P	J	L	P	J	L	P	J
DA001	DKA	Diploma Kejuruteraan Awam	39	39	78	254	362	616	30	40	70
DA002	DPB	Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan	14	22	36	93	90	183	14	7	21
DA007	DUT	Diploma Ukur Tanah	0	0	0	0	0	0	3	2	5
DA010	DGU	Diploma Geomatik	4	11	15	95	118	213	10	13	23
DE004	DEP	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)	2	8	10	94	99	193	10	7	17
DE007	DEE	Diploma Kejuruteraan Elektrik & Eletronik	34	7	41	309	86	395	25	10	35
DF003	DNS	Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian)	0	0	0	152	169	321	26	26	52
DF004	DIP	Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan)	0	0	0	54	60	114	19	28	47
DF007	DDT	Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)	51	36	87	159	115	274	0	0	0
DM001	DKM	Diploma Kejuruteraan Mekanikal	43	6	51	308	163	521	56	15	71
DM002	DAD	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)	24	1	25	264	8	272	27	2	29
DM004	DTP	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan)	4	2	6	79	32	111	2	0	2
DM005	DPU	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Penyayamanan Udara dan Penyejukbekuhan)	6	0	6	66	12	78	9	2	11
DP001	DAT	Diploma Akuntansi	9	40	49	95	308	493	9	84	93
DP005	DPM	Diploma Pengajian Perniagaan	22	76	98	162	428	590	9	47	56
DR001	DPE	Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia)	14	12	26	169	211	380	36	25	61
PP001	IPP	Pra Diploma Perdagangan	8	30	38	8	30	38	3	8	11
PS001	IPS	Pra Diploma Sains	48	25	73	48	25	73	25	28	53
<b>Jumlah Besar</b>			<b>322</b>	<b>317</b>	<b>639</b>	<b>2489</b>	<b>2396</b>	<b>4865</b>	<b>313</b>	<b>344</b>	<b>657</b>

Semester Jun 2018

### POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

Kod	Kod Rasmی	Nama	Kemasukan			Enrolmen			Output		
			L	P	J	L	P	J	L	P	J
DA001	DKA	Diploma Kejuruteraan Awam	68	81	149	269	359	628	42	78	120
DA002	DPB	Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan	10	31	41	76	104	180	24	15	39
DA010	DGU	Diploma Geomatik	21	23	44	99	117	216	15	20	35
DE004	DEP	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)	30	16	46	93	84	177	19	22	41
DE007	DEE	Diploma Kejuruteraan Elektrik & Eletronik	94	21	115	338	90	428	49	14	63
DF003	DNS	Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian)	0	0	0	123	126	249	21	39	60
DF004	DIP	Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan)	0	0	0	26	26	52	26	32	58
DF007	DDT	Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)	66	68	134	209	178	387	0	0	0
DM001	DKM	Diploma Kejuruteraan Mekanikal	92	32	124	395	158	553	59	26	85
DM002	DAD	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)	72	4	76	263	10	273	60	2	62
DM004	DTP	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan)	23	11	34	74	31	105	26	11	37
DM005	DPU	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Penyayamanan Udara dan Penyejukbekuhan)	23	1	24	75	12	88	11	1	12
DP001	DAT	Diploma Akuntansi	22	82	104	103	424	527	7	47	54
DP005	DPM	Diploma Pengajian Perniagaan	23	81	104	145	424	569	18	50	68
DR001	DPE	Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia)	40	37	77	162	186	348	35	54	89
PP001	IPP	Pra Diploma Perdagangan	11	23	34	11	23	34	3	19	22
PS001	IPS	Pra Diploma Sains	0	0	0	27	22	49	0	0	0
<b>Jumlah Besar</b>			<b>595</b>	<b>511</b>	<b>1106</b>	<b>2489</b>	<b>2374</b>	<b>4863</b>	<b>415</b>	<b>430</b>	<b>845</b>

## Gambar – Aktiviti pendaftaran pelajar di PKS



Lawatan Pengarah melihat proses pendaftaran pelajar baru di PKS



Taklimat kepada ibu bapa pelajar baru sempena hari pendaftaran di PKS



Proses pendaftaran pelajar



Minggu suai kenal pelajar baru



Kehadiran pelajar baru dalam proses pendaftaran



Ketibaan pelajar baru bersama keluarga di PKS



Proses pendaftaran pelajar di bawah MPP



MPP bersama menguruskan pendaftaran pelajar



Semangat bertoleransi MPP memudahkan pendaftaran pelajar baru di PKS



Pendaftaran pelajar di PKS bersama dengan wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

Pelajar baru yang telah mendaftar diri di PKS turut ditawarkan kemudahan asrama di Kolej Kediaman PKS. Sejumlah 4478 orang pelajar telah mendaftarkan diri di kolej kediaman PKS sebagai penghuni asrama bagi kedua-dua semester. Bagi Semester Disember 2017, sebanyak 2238 orang pelajar terdiri daripada 1040 orang pelajar lelaki dan 1198 orang pelajar perempuan. Seterusnya, 1042 orang penghuni lelaki dan 1198 orang penghuni perempuan telah ditempatkan dalam kolej kediaman pada Semester Jun 2018.

### Gambar – Aktiviti kolej kediaman PKS



Aktiviti pendaftaran di kolej kediaman PKS



Aktiviti "Check in" untuk penghuni lelaki




Pendaftaran kemasukan penghuni perempuan ke kolej kediaman



Kumpulan Exco Jawatankuasa Pengurusan Blok Kolej Kediaman

### Statistik – Penghuni asrama di kolej kediaman PKS

Semester	Junior		Senior		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	
Disember 2017	296	299	744	899	2238
Jun 2018	565	541	477	657	2240
Jumlah	861	840	1221	1556	



Kumpulan Exco Pengurusan Blok Kolej Kediaman turut memaparkan kualiti kepimpinan pelajar yang tinggi sepanjang penglibatan mereka di PKS. Ini jelas dilihat melalui penglibatan empat orang pelajar Exco Jawatankuasa Pengurusan Blok Kolej Kediaman telah menyertai Program Instilling Personality & Interpersonal Qualities among Future Leaders (INSPIRE) di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Pahang sepanjang 18 hingga 22 September 2018. Pelajar bernama Brenden Jenning Anak Anggan dari Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif), Mohamad Rahul Bin Jamil (Diploma Geomatik), Anthonia Tra Anak Sedin (Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)) telah mewakil PKS dalam program INSPIRE.

#### Gambar – INSPIRE



Bersama pegawai pengiring Cik Bibiana Daud



Empat orang peserta PKS dalam INSPIRE



Peserta PKS menerima sijil INSPIRE



Peserta INSPIRE dalam aktiviti kerja berkumpulan

Selari dengan usaha kerajaan untuk memastikan kebolehpasaran graduan yang tinggi dalam kalangan pelajar di Malaysia, PKS terus memainkan peranan penting untuk mempromosikan program pendidikan di politeknik kepada pelajar lepasan sekolah dan masyarakat setempat.

Sepanjang tahun 2018, kumpulan pensyarah dan pegawai dari PKS telah mengambil inisiatif untuk mempromosikan pendidikan politeknik melalui media sosial seperti Facebook dan Instagram dari semasa ke semasa. Selain itu, lawatan promosi turut dilaksanakan sepanjang tahun oleh PKS di sekitar bandar dan luar bandar negeri Sarawak khususnya.

Jadual – Promosi Pendidikan Politeknik				
Bil	Bulan	Program	Tempat	Penganjur
1	Januari 2018	Touch Point Cabinet Away Day TVET Students to do Community Work	Parlimen Mas Gading	JPP
2		Program My Future dan Hari Kerja di PLKN	Kem Sentosa Sematan	PLKN
3			Kem Juara Serian	
4	Februari 2018	Iklan Permohonan Kemasukan Sesi Jun 2018	Facebook / Instagram / Twitter	PKS
5		DBNA-BGA Education Fair 2018	Dewan Suarah Bau & SMK Sematan	Persatuan Dayak-Bidayuh (DBNA) dan Bidayuh Graduated Association (BGA)
6	Mac 2018	Sarawak Career Training Fair	BCCK Kuching	Kementerian Pend. Sains & Tech.
7		Program "Sesi Townhall Daerah Simunjan"	Dewan Mesra Simunjan	Majlis Daerah Simunjan
8		Project of Dreams Realized (PRO-DR) 2018	Lundu ke Sibu (7 Hentian)	TEGAS
9		Pameran Sempena Pengumuman Keputusan SPM	SMK Bandar Semariang	SMK Bandar Semariang
10			MRSM Kuching	MRSM Kuching
11			SMK Petrajaya	SMK Petrajaya
12			SMK Tun Abang Haji Openg	SMK Tun Abang Haji Openg
13			SMK Bau	SMK Bau
14		Iklan Karnival Pendidikan Tinggi Negara	Facebook / Instagram / Twitter	PKS
15			Mydin Petrajaya	KPT

Bil	Bulan	Program	Tempat	Penganjur
16		Siaran Radio Sarawak	RTM Kuching	PKS dan KK Kuching
17		DBNA-BGA Education Fair 2018	Dewan Masyarakat Serian	DBNA-BGA
18			Siburan	
19		Pameran Pendidikan dan Kerjaya	SMK Matang Hilir, SMK Serian, SMK Jalan Arang, SMK Datuk Patinggi Haji Gapor	EduQuest Edu Services
20		Program My Future dan Hari Kerja PLKN	Serian & Bau	PLKN
21		Jelajah Pendidikan Pan Borneo 2018	Samarah – Sarikei (12 buah sekolah)	JPP, JHEP, MPP PKS
22		Jelajah Pendidikan 2018	Petrajaya	KPT
23	Mei 2018	Pameran Pendidikan dan Kerjaya	SMK Tarat	EduQuest Edu Services
24		Perbincangan Kolaborasi IKM Kuching	PKS	PKS-IKM
25	Julai 2018	Pameran Pendidikan dan Kerjaya	SMK Matang Jaya dan SMK Batu Kawa	EduQuest Edu Services
25	Ogos 2018	Malaysia Book of Record – Persembahan Tarian Aluan Teramai	PKS	PKS
26		Karnival Bulan Kemerdekaan	SMK Hajjah Laila Taib	PKS
27	September 2018	Iklan Permohonan Kemasukan Sesi Disember 2018	Facebook / Instagram / Twitter	PKS
28		Gerak Usahawan Kampus (GUK)	Tebingan Sungai Sarawak (Waterfront)	JPP PKS
29		Ceramah Kerjaya	SMK Paku	SMK Paku

Selain daripada usaha dalaman untuk menganjurkan pelbagai aktiviti promosi kepada pelajar dan komuniti luar, PKS turut menerima kunjungan luar khususnya dari kalangan sekolah. Misalnya, lawatan rasmi dari SMK Belaga dan Bakun, SMK Simanggang, SMT Sejtingkat serta organisasi luar seperti Akademik YAKIN dan PERYATIM Sarawak turut mengunjungi PKS bagi mengetahui program pendidikan yang ditawarkan.

#### Jadual – Lawatan luar ke PKS

Bil	Tarikh	Program	Sekolah/Intitusi
1	18/3/2018	Belia Daerah Belaga Ke IPTA/S Kuching	SMK Belaga dan Bakun
2	18/4/2018	Kolaborasi SMT Sejtingkat-PKS "POLITEKNIK DESTINASIKU"	SMT Sejtingkat
3	18/10/2018	Lawatan Yayasan Kemajuan Insan Sarawak (YAKIN)	Akademik YAKIN
4	26/10/2018	Lawatan Sambil Belajar Badan Pengawas SMK Simanggang	SMK Simanggang
5	6/12/2018	Lawatan Bijak Belajar dari Lembaga Kebajikan Anak-Yatim Sarawak Cawangan Sibu	PERYATIM SARAWAK



Promosi Pendidikan di SMK Tarat



Pameran Pendidikan dan Kerjaya di SMK Serian



Pensyarah JTMK menerangkan program politeknik kepada pelajar sekolah menengah.

## **PEMERKASAAN TENAGA PENGAJAR PKS**

Bagi menghasilkan pelajar yang holistik dan menyeluruh dengan kualiti yang tinggi, PKS turut mengambil inisiatif pembangunan untuk Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT). Antaranya, Program Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) yang bertujuan untuk memberi peluang latihan dan pengalaman bagi memenuhi agenda Pelan Transformasi Politeknik khususnya pelaksanaan program baru, pencapaian petunjuk prestasi (KPI) dan pemerksaan politeknik premier.

SIP telah diperkenalkan kepada pensyarah politeknik mulai tahun 1999. Kini SIP merupakan salah satu program pembangunan PPPT yang terlibat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di institusi dengan suasana kerja sebenar bagi PPPT yang tidak mempunyai pengalaman bekerja di industri. SIP turut bertujuan untuk mewujudkan kerjasama politeknik dan sektor industri dalam menambahbaik kurikulum pengajian serta mengemaskini amalan terbaik industri melalui perbincangan bersama semasa PPPT dan industri dalam menjalani program ini.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 10 orang pensyarah telah menjalani SIP manakala 4 orang PPPT mengambil bahagian dalam Latihan Sangkutan Industri Pensyarah (LSI). LSI berobjektif untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman antara pengajar Institut Latihan Awam (ILA) atau industri / pakar industri / pengajar pakar. Selain itu, LSI juga bertujuan untuk memupuk semangat kerja berpasukan dan membina serta mengukuhkan hubungan baik antara pengajar dengan pihak industri. LSI turut mendedahkan pengajar TVET kepada persekitaran kerja sebenar dan pelaksanaan peraturan keselamatan di industri.

Berikut merupakan senarai pensyarah yang telah menjalani SIP mahupun LSI sepanjang tahun 2018:

**LATIHAN SANGKUTAN INDUSTRI  
&  
SANGKUTAN INDUSTRI PENSYARAH**

SENARAI PESERTA LATIHAN SANGKUTAN INDUSTRI (LSI)				
BIL	NAMA	JABATAN	TARIKH LSI	TEMPAT
1	Norli Binti Omar	JKPK	April 1-30	CRAUN RESEARCH
2	Mohd Ali Bin Jasmi	JKA	Mei 2-Julai 29	AREMIR EMPIRE SDN.BHD
3	Mohamad Nizam Bin Rahadi	JTMK	Mac 5-Mei 31	ONE OR ZERO TECHNOLOGIES
4	Muhamad Zaidi Bin Mohd Ali	JTMK	April 2-30	ASTANA DIGITAL SDN BHD
5	Zakir Hussain Bin Ibrahim	JTMK	April 23-Julai 13	CASPIAN TECHNOLOGY
6	Wan Hairilamei Bin Nik Wan Zainun	JKM	Mei 2-Jun 14	Prihoda Malaysia Sdn. Bhd.
7	Norina Yadin	JKPK	Julai 2-September 14 (Fasa 1) Oktober 4-17 (Fasa 2)	JABATAN AIR SANDAKAN
8	Zainap Binti Haji Lamat	JKA	April 2-Mei 31	HMN NADHIR SDN. BHD.
9	Cr. Dr. Ling Ying Leh	JMSK	Mei 2-Julai 27	UCTS SARAWAK
10	Nizar Bin Ahmad	JKE	Ogos 1-Oktober 28	TM SARAWAK

SENARAI PESERTA LATIHAN SANGKUTAN INDUSTRI (LSI)				
BIL	NAMA	JABATAN	TARIKH LSI	TEMPAT
1	Mohd Azahar Bin Jantan	JPA	April 1-30	JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA
2	Mohamad Bazli Bin Md Radzi	JPA	Mei 2-Julai 29	MAHKAMAH SYARIAH KUCHING SARAWAK
3	Siti Nurfaizah Bte Abu	JP	Mac 5-Mei 31	BUMI EMAS SERVICES, MIRI
4	Wan Faisal Bin Wan Ahmad Mohtasa	JPA	April 2-30	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, SARAWAK


Menyedari pentingnya usaha pembangunan sumber manusia dalam sektor awam, Dasar Latihan Manusia Sektor Awam telah ditetapkan iaitu setiap anggota perkhidmatan awam perlu melengkapkan diri atau dilengkapkan dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang sesuai, melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan.

Dalam hal ini, jumlah hari latihan di Kementerian Pendidikan Malaysia telah ditetapkan pada sekurang-kurangnya lima hari setahun dan sasaran tujuh hari amat digalakkan. Sasaran ini boleh dicapai dengan melalui pelaksanaan blended training approach termasuk pembacaan buku, perkongsian ilmu, sesi mentoring dan pembelajaran kendiri melalui E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA).

Di peringkat PKS, setiap jabatan dan unit telah menyahut sasaran ini dengan berjaya sepanjang tahun 2018. Semua 21 jabatan dan unit telah mencapai 100% bilangan hari berkursus sebanyak lima hari dan ke atas. Daripada jadual berikut, 334 orang warga PKS telah berjaya mencapai bilangan hari berkursus 10 hari dan ke atas dengan kadar setinggi hampir 72 peratus. Daripada jumlah staf PKS iaitu 465 orang, semua telah berjaya mencapai bilangan hari kursus minimum lima hari dan ke atas.

BT: Nama Institusi/Jabatan/Bahagian	Bilangan Hari Berkursus										JUMLAH >4 HARI	PERATUS >4HARI	
	>=10	9	8	7	6	5	4	3	2	1	0		
1. UNIT KAMSIS	6	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	7	7 100.00%
2. UNIT PEPERIKSAAN	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5	5 100.00%
3. UNIT KUALITI DAN DOKUMENTASI	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1 100.00%
4. UNIT PERPUSTAKAAN	7	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	8	8 100.00%
5. UNIT SUKAN DAN KOKURIKULUM	3	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	4	4 100.00%
6. UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	3 100.00%
7. UNIT PEMBANGUNAN DAN SENGGARAAN	3	5	1	3	1	1	0	0	0	0	0	14	14 100.00%
8. UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT	2	0	2	3	1	1	0	0	0	0	0	9	9 100.00%
9. JABATAN KEJURUTERAAN PETROKIMIA	28	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	29	29 100.00%
10. JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER	28	2	0	0	0	0	1	0	0	0	0	31	31 100.00%
11. UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI	3	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	4	4 100.00%
12. JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL	56	3	7	4	3	2	0	0	0	0	0	75	75 100.00%
13. JABATAN HAL EHWAH PELAJAR	4	0	1	1	0	0	1	0	0	0	0	7	7 100.00%
14. JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK	34	1	1	1	1	0	1	0	0	0	0	39	39 100.00%
15. JABATAN PENGAJIAN AM	29	0	3	1	0	1	0	0	0	0	0	34	34 100.00%
16. JABATAN KEJURUTERAAN AWAM	49	3	3	0	1	1	0	0	0	0	0	57	57 100.00%
17. JABATAN PERDAGANGAN	35	5	2	3	0	0	1	0	0	0	0	47	47 100.00%
18. JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI	19	2	5	4	5	0	0	0	0	0	0	35	35 100.00%
19. UNIT PENTADBIRAN POLITEKNIK	15	4	4	5	4	6	8	0	0	0	0	46	46 100.00%
20. UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN	3	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	4	4 100.00%
21. UNIT MULTIMEDIA DAN SUMBER	1	0	2	0	1	0	2	0	0	0	0	6	6 100.00%
JUMLAH	334	28	32	26	18	13	14	0	0	0	0	465	465
PERATUS	71.83%	6.02%	6.88%	5.59%	3.87%	2.80%	3.01%	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%		100.00%

Di peringkat jabatan akademik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal mempunyai bilangan pensyarah terbanyak yang mempunyai 10 hari berkursus dan ke atas iaitu 56 orang manakala di peringkat unit sokongan, Unit Pentadbiran Politeknik menduduki tempat teratas dengan 15 orang staf yang berkursus melebihi 10 hari. Dapatan ke atas bilangan hari berkursus turut menunjukkan 84.73 peratus telah menghadiri 8 hari kursus dan ke atas.



Seterusnya, para PPPT turut digalakkan untuk mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti pembudayaan penyelidikan dan inovasi di PKS. PKS sentiasa berusaha meningkatkan penyelidikan usahasama antara disiplin dan pelbagai bidang dalam dan luar negara. Selain itu, jalinan kerjasama dan kolaborasi antara PKS dan industri serta komuniti masyarakat turut ditekankan.

Sepanjang tahun 2018, lapan projek inovasi telah diusahakan daripada PKS. Antaranya,

- Tempat penyimpanan kering untuk makanan berpalet
- Mesin pembuatan kaca manik
- Penukar kereta tayar manual
- Mesin kerja kayu pelbagai fungsi
- Alat lenturan logam hidraulik
- Penapis pasir mudah alih automatik untuk kerja pembinaan
- Troli peralatan mudah alih untuk bengkel basikal

- Stesen kerja serbaguna
- Ohaa snack

Berikut disediakan butiran tentang setiap produk inovasi yang diusahakan:

<b>Bil.</b>	<b>Produk</b>	<b>Inventor</b>	<b>Aplikasi Oleh</b>	<b>Deskripsi / Kegunaan</b>
<b>1</b>	Tempat penyimpanan kering untuk makanan berpalet	Ho Rui Jin, Andy anak Buja Ong Tze Ching	Gold Rabbit Farm, Bintangor, Sarawak	Satu tempat penyimpanan makanan yang kering dihasilkan dengan pemasangan mesin pengawal kelembapan udara. Tempat penyimpanan adalah kedap udara serta bersaiz besar bagi menampung kuantiti stok makanan yang banyak serta mempunyai kemampuan mengekalkan kadar kelembapan relatif udara yang rendah.
<b>2</b>	Mesin pembuatan kaca manik	Ong Tze Ching, Ho Rui Jin, Andy anak Buja	Victoria's Enterprise, Bintulu, Sarawak	Mesin yang dicipta adalah HHO Generator yang memisahkan molekul air ke dalam gas dan mempunyai campuran gas oksigen dan hidrogen yang dapat memberikan api yang kuat. Dengan muncung yang direka khas untuk memberikan haba yang tertumpu dan konsisten bagi menghasilkan kadar alir haba yang bersesuaian dengan proses penghasilan manik.
<b>3</b>	Penukar kereta tayar manual	Azar Bin Shabudin, Devlyn anak Oliver, Duke anak Makechurch, Kaysey anak Lisang, Vincent anak Jipep, Alfred anak Jemon	Syarikat Bengkel Perfect, Kuching, Sarawak	Penukar kereta tayar manual yang kos murah dan senang dikendalikan dihasilkan.

Bil.	Produk	Inventor	Aplikasi Oleh	Deskripsi / Kegunaan
4	Mesin kerja kayu pelbagai fungsi	Ong Tze Ching, Andy Wong Hoe Kiu, Calvin Ko Zhijye, Ambrose Ngu See Peng, Chiew Chang Lit, Rozella anak Wat Tyler	Foh Chong Furniture Workshop, Bau, Sarawak	Satu mesin mengabungkan fungsi pengilangan, penggerudian, menggeraji dan pengisaran telah dihasilkan untuk mencepatkan produktiviti sesebuah kilang bersaiz kecil dan sederhana.
5	Alat lenturan logam hidraulik	Wu Jia Hang, Anderson anak Jerata, Abdul Azim bin Abu Bakar, Maverick Gura Ebony anak Charles, Stephanie Jawai anak Ajo	Real Arm Technical, Kuala Lumpur	Mesin lentur yang dihasilkan mengatasi masalah pekerja melentur rod besi sehingga 10mm yang dilakukan manual sebelum ini. Penggunaan mesin ini juga telah meningkatkan keselamatan pekerja.
6	Penapis pasir mudah alih automatik untuk kerja pembinaan	Ong Tze Ching, Mohammad Shafizan bin Jeman, Maizatul Aqma binti Senusi, Gregory Bright Tay, Beruin ak Badie, Alias Apui Pran	Kelingkang Construction, Lubok Antu, Sarawak	Mesin penapis pasir dua lapis ini telah menghasilkan pasir yang lebih halus untuk kegunaan binaan rumah/kedai. Selain dari itu, kerja penapisan adalah secara automatic.

Bil.	Produk	Inventor	Aplikasi Oleh	Deskripsi / Kegunaan
7	Troli peralatan mudah alih untuk bengkel motosikal	Chew Yueh Seng, Zamri Bin Yusoff, Harry ak Robert Bobil, Venantius Andy ak Elban, Edison ak William, Elvin ak Jali, Patrick Sia ak Alit	Da Jia Motor, Sri Aman, Sarawak	Troli yang dilengkapi dengan tiga roda telah menyenangkan proses pemindahan serta menjadikan tempat kerja bersih dan lebih teratur.
8	Stesen kerja serbaguna	Ho Rui Jin, Alexander Ray ak Redim, Carson Ho Lien Wen, Marwick ak Anen, Saline Kunok ak Manggom	Real Arm Technical, Kuala Lumpur	Mesin ini mengabungkan pelbagai mesin dalam satu iaitu gergaji bulat, jigsaw, brek logam dan penglipat plastik acrylic telah menjadikan kerja-kerja kimpalan, penebukan dan pengisaran lebih cepat dan jitu.
9	Ohaa snack	Noor Hafizah Binti Azali, Deseada Usun Langat, Eva Isabella ak Bonny, Adeline ak Giri	Pelajar PKS	Halwa terung dayak ini merupakan makanan ringan yang unik dan murah. Ia juga sesuai menjadi cenderahati dari negeri Sarawak.

Bagi tujuan kolaborasi, PPPT di PKS turut mengambil bahagian secara aktiviti dalam menjalin hubungan kolaborasi dengan industri. Antaranya, kolaborasi bersama dengan

- Midin
- Yayasan Inovasi Malaysia
- SIDMA College
- NUMIND
- Lembaga Ukur Sabah
- Swinburne University of Technology
- Idris Ibrahim Group
- INTER
- Bandwork Solution GPS
- HERE Malaysia Sdn. Bhd
- Sarawak Information System

dan banyak lagi seperimana yang disertakan seterusnya.



THE MIDIN EVENTS COMPANY



YAYASAN iNOVASI MALAYSIA



**SIDMA**  
College Sarawak

SIDMA COLLEGE

NuMIND  
TRAINING MANAGEMENT

NuMind Training  
(NUMIND)



LEMBAGA  
JURUUKUR  
SABAH

SABAH SURVEYORS  
BOARD

SWIN  
BUR  
NE\*

SWINBURNE  
UNIVERSITY OF  
TECHNOLOGY  
SARAWAK CAMPUS

SWINBURNE UNIVERSITY  
OF TECHNOLOGY

I | I | G  
CHARTERED ACCOUNTANT (M)  
IDRIS IBRAHIM GROUP

inter  
IRC GROUP OF COMPANIES  
(INTER)

GPS SOLUTIONS  
**BANDWORK**  
BANDWORK SOLUTION GPS SDN BHD





SR-SCAFFOLD RESOURCES  
SDN. BHD.



GMG AGENCY



HERE MALAYSIA SDN BHD



IRC GROUP OF COMPANIES  
(INTER)



JABATAN BOMBA DAN  
PENYELAMAT MALAYSIA,  
SARAWAK



JABATAN KEBUDAYAAN DAN  
KESENIAN NEGARA, SARAWAK



BANDWORK SOLUTION GPS SDN BHD



LAND SURVEYORS BOARD SARAWAK



TECHNOLOGICAL ASSOCIATION  
OF MALAYSIA (TAM)



JAVEL ENGINEERING SDN BHD



D.Z.K.I.R ENGINEERING



HATIQA ENGINEERING  
SDN. BHD

PROAKTIF ELECTRICAL  
SDN. BHD



PERUNDING MME SDN. BHD



MCP  
Resources Sdn Bhd  
MCP RESOURCES  
SDN BHD



SARAWAK INFORMATION  
SYSTEM SDN BHD



SERBA DINAMIK HOLDINGS  
BERHAD



PRIHODA MALAYSIA SDN BHD



Dengan adanya kolaborasi ini, ia akan dapat membantu komuniti PKS berkemahiran dan tidak ketinggalan dari sudut sosio ekonomi dengan kemajuan industri masa kini. Lebih banyak usaha kolaborasi sedang dalam proses dan berlaku secara giat dan aktif.

## PENJANAAN PELAJAR PKS BERKUALITI

Merujuk kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan,

**"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembang lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara"**

Oleh demikian, semua jabatan akademik telah merancang dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi melengkapi pelajar dengan kemahiran, sikap dan pengetahuan agar kualiti graduan PKS adalah holistik dan mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi.

Pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) telah mengambil bahagian dalam program kerjasama antara Persatuan Alumni Politeknik Kuching untuk graduan-graduan yang berkonvokesyen di PKS sepanjang 8-9 Ogos 2018. Projek ini telah membolehkan pelajar JKA melibatkan diri secara praktikal dalam aktiviti pembelajaran. Peluang pembelajaran melalui penglibatan secara praktikal telah memupuk nilai dan sikap positif terhadap pembelajaran pelajar JKA.







Semangat patriotisme turut tidak diabaikan untuk terus dipupuk dalam kalangan pelajar PKS. Melalui sambutan Hari Kebangsaan ke-61, kontingen Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) telah mengambil bahagian untuk menerapkan semangat perpaduan dalam kalangan pelajar.



Bagi menggalakkan pelajar untuk menguasai bidang keusahawanan dengan lebih berkesan, PKS melalui Inter Discipline Business Pitching Competition sebagai galakan inovasi dan pengkomersilan dalam kalangan pelajar pelbagai bidang. Buat julung kalinya pada 17 Oktober 2018, Kelab Inovasi dan Rekacipta PKS dengan pelajarnya pelbagai bidang dan latar belakang telah membentangkan pelbagai produk inovasi yang menarik.

Pembudayaan keusahawanan yang disuntik dalam pertandingan itu secara tidak langsung telah membentuk ciri keusahawanan dan membina kemahiran holistik ke dalam diri pelajar. Pelajar yang terlibat telah didedahkan dengan membina carta organisasi

perniagaan, mengira kos produk inovasi dan menetapkan margin keuntungan serta pelajar perlu menjual produk inovasi mereka adalah antara kriteria permarkahan yang telah ditetapkan.

Tahniah kepada kumpulan pelajar daripada JKA, JKE, JKM, Jabatan Kejuruteraan Petrokimia (JKPK), Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), dan Jabatan Perdagangan (JP). Sebanyak 10 kumpulan pelajar telah mengambil bahagian.



Pembelajaran di PKS tidak semata-mata hanya berlaku di dalam kampus tetapi galakan setinggi-tingginya diberikan kepada pelajar untuk menimba peluang yang berbeza agar mereka dapat menyesuaikan diri di pasaran kerjaya kelak. Justeru, jabatan akademik sentiasa mengenal pasti platform yang bersesuaian bagi menyediakan peluang kepada pelajar. Jabatan Perdagangan (JP) turut mengambil inisiatif menghantar kumpulan pelajarnya untuk bertanding dalam Accounting Students Quiz for Diploma Level anjuran

The Malaysian Institute of Certified Public Accountants pada 19 Oktober 2018. Tahniah kepada pasukan JP kerana memenangi tempat ketiga.



Pada masa yang sama, jabatan akademik PKS sentiasa mengambil inisiatif untuk mewujudkan kolaborasi dengan institusi pengajian tinggi agar graduan PKS mempunyai laluan alternatif ke peringkat profesional dalam bidang yang diikuti. Misalnya, JP telah berkunjung ke UNIMAS pada 8 Februari 2018 untuk merealisasikan kolaborasi strategik antara PKS dan UNIMAS. Hasil lawatan telah berjaya membuka peluang kepada pelajar PKS melanjutkan pengajian ke UNIMAS dalam bidang perakaunan khususnya ACCA.



Gambar kolaborasi strategik antara PKS dan UNIMAS



Perbincangan dilakukan bersama dengan UNIMAS.

Seterusnya, kedua-dua jabatan akademik JTMK dan JKA telah bekerjasama bagi menjayakan aktiviti promosi JTMK pada 15 Februari 2018. Aktiviti seumpama ini telah berjaya merapatkan pertalian silaturahim antara pensyarah dan pelajar.



Aakhirnya...



Sehubungan itu, pelajar JTMK turut menunjukkan kehebatan mereka dalam penyertaan produk IT PKS dalam UNIMAS Innovation and Technology Exposition 2018 di Pullman Kuching pada 17 Julai 2018. Sebanyak dua produk telah dipersembahkan iaitu Battle of Data Game Board (Produk 1) dan E-Lab Key Management System (Produk 2). Penyertaan seumpama ini telah membuktikan kepada khalayak ramai dan membuka mata komuniti akan kehebatan dan kesungguhan PKS menyediakan graduan berkualiti.

Dalam meningkatkan komitmen pelajar untuk proses pengajaran dan pembelajaran, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) dan Jabatan Pengajian Am (JPA) turut tidak ketinggalan dalam menyumbang bakat pensyarah dalam membantu pelajar.

JMSK telah menganjurkan JMSK Carnival melibatkan tiga elemen iaitu sains, matematik, dan komputer pada 11-12 Oktober 2018.





Bengkel ScoEM Math 3 turut diadakan pada 11 Oktober 2018 bagi meningkatkan penguasaan kemahiran menjawab soalan matematik kejuruteraan.



Seterusnya, program JMSK yang menguji ketahanan fizikal dan intelek turut diadakan pada setiap semester iaitu MaSCo Explorace 2018 telah diadakan pada 12 Oktober 2018. Program ini berjaya menggalakkan pelajar menyelesaikan masalah yang dikenal pasti secara berkumpulan.



Bagi JPA pula, Unit Bahasa Inggeris dan Unit Pendidikan Islam di JPA tidak ketinggalan dalam melaksanakan aktiviti khususnya mengukuhkan elemen spiritual pelajar.

### UNIT BAHASA INGGERIS JABATAN PENGAJIAN AM

Bil	Tarikh	Program	Tempat
1	2 Mac 2018	PPI Bahasa Inggeris Career Preparation Workshop	Politeknik Kuching Sarawak
2	8 Mac 2018	PPI Bahasa Inggeris Pushing the Boundaries: Language Humanity and Science	Politeknik Kuching Sarawak
3	15 Mac 2018	Micro Video Competition (DUE3012)	Politeknik Kuching Sarawak
4	13-16 Ogos 2018	English Day	Politeknik Kuching Sarawak
5	16 Ogos 2018	PPI Bahasa Inggeris Pushing the Boundaries: Language Humanity and Science	Politeknik Kuching Sarawak
6	1-2 September 2018	Serapi Debating Championship	Politeknik Kuching Sarawak
7	5-8 September 2018	Borneo English Languagae Festival (BELFEST) 2018	Politeknik Kuching Sarawak, Waterfront Kuching & Hotel Riverside
8	18 Oktober 2018	Best Promoter (DUE3012)	Politeknik Kuching Sarawak



JADWAL PENGAJIAN AM



## UNIT PENDIDIKAN ISLAM, JABATAN PENGAJIAN AM

Bil	Tarikh	Program	Tempat
1	7 Mac 2018	Lawatan Ilmiah ke Dewan Undangan Negeri Sarawak	Dewan Undangan Negeri Sarawak, Petrajaya
2	13-15 Julai 2018	Gotong-Royong Jabatan Pengajian Am	Jabatan Pengajian Am
3	18-19 Julai 2018	Festival Seni Khat Jawi Zon Borneo	Dewan Jubli Perak Politeknik Kuching Sarawak
4	4-5 Ogos 2018	Pengindahan Lanskap Taman Jabatan Pengajian Am	Jabatan Pengajian Am
5	21 Ogos 2018	Kursus Asas Sembelihan dan Penyediaan Makanan Halalan Toyyiba	Masjid Al-Muhandisin, Politeknik Kuching Sarawak
6	6 September 2018	Forum Keluarga Bahagia Pemangkin Keutuhan Ummah	Dewan Kuliah 1, Politeknik Kuching Sarawak
7	7-9 September 2018	Kem Kerohanian Kembara Ilmu 2018 (KERABI'18)	Libiki Bamboo, Bau, Sarawak
8	28 September 2018	Sambutan Maal Hijrah "Penghijrahan Yang Terindah"	Masjid Al-Muhandisin, Politeknik Kuching Sarawak



Bagi memastikan program pengajian yang ditawarkan kepada pelajar adalah berkualiti dan diiktiraf, PKS sentiasa memastikan proses audit akreditasi dijalankan dengan sistematik. Persijilan ISO telah dianugerahkan kepada PKS pada 12 Julai 2018 selepas akreditasi dilaksanakan dalam bidang kejuruteraan, perdagangan, dan teknologi maklumat.



# PENSIJILAN ISO



## SIJIL



SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**POLITEKNIK KUCHING SARAWAK  
KM 22, JALAN MATANG  
93050 KUCHING  
SARAWAK  
MALAYSIA**

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati

**ISO 9001:2015**

*QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS - Requirements*

Skop Pensijilan


**PEMBERIAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN BAGI LATIHAN SEPARA  
PROFESIONAL (PLSP) DI PERINGKAT DIPLOMA DALAM BIDANG  
KEJURUTERAAN, PERDAGANGAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT &  
KOMUNIKASI.**



Tarikh dikeluarkan : 20 Julai 2018

Tarikh Sah : 18 Mei 2018 – 17 Mei 2021

No. Pensijilan : QMS 02467

  
**Mohd Azanuddin Salleh**  
Pengarah Urusan  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

**SIRIM QAS International Sdn. Bhd.**  
076-Sirim 4/0324-X  
1, Persiaran Datai' Hutan  
Sekyen 2, Petaling Jaya  
47300, Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
Tel: 603-5544 6404

Usaha untuk mengurus dan mentadbir PKS bukan tugas yang mudah. Lebih-lebih lagi PKS sudah lama bertapak di Kuching. Disebabkan reputasi dan prestij PKS yang tinggi, maka secara tidak langsung ia datang dengan pelbagai jangkaan yang melambung tinggi. Lantaran itu, usaha berkenaan menuntut kesungguhan, kerjasama jitu dan perancangan rapi dari semua pihak. Dalam hal ini, peranan Persatuan Alumni Politeknik Kuching turut menjadi semakin kritikal dan menjadi pelengkap kepada usaha-usaha yang diambil oleh PKS.

Persatuan Alumni Politeknik Kuching bukan sahaja berperanan sebagai jambatan penghubung antara bekas-bekas pelajar dengan PKS bahkan juga sebagai wadah kepada golongan ini untuk merapatkan hubungan dan sebagai platform untuk muncurah sumbangan kepada PKS.

Ke arah memastikan ikatan ini terus dipelihara, pihak persatuan alumni telah menggariskan dan melaksanakan pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2018.



## Aktiviti Persatuan Alumni Politeknik Kuching 2018

<b>Tarikh</b>	<b>Program</b>	<b>Tempat</b>	<b>Catatan</b>
<b>07-13 Januari 2018</b>	Program Touch Point Cabinet Away Day Fasa II Mas Gading	Lundu	Alumni PKS sebagai peneraju program dan sumbangan RM2000 daripada Alumni Politeknik Kuching
<b>21 Mac 2018</b>	Festival Pameran Projek dan Inovasi Sesi Disember 2017	PKS	Alumni PKS sebagai penilai projek pelajar Kejuruteraan Awam
<b>30 Julai – 03 Ogos 2018</b>	Projek Memasang Interlocking Bricks 2018	PKS	Alumni PKS sebagai peneraju program dan sumbangan RM8000 daripada Alumni Politeknik Kuching
<b>07-09 Ogos 2018</b>	Pendaftaran Keahlian Persatuan Alumni Politeknik Kuching (2018)	PKS	
<b>07 Ogos 2018</b>	Majlis Anugerah Pingat Ketua Jabatan (AKKJ) 2018	PKS	
<b>08 Ogos 2018</b>	Majlis Konvokesyen Politeknik Kuching Sarawak	PKS	Sumbangan wang tunai RM5000 dan plak kepada Projek Pelajar Terbaik
<b>12 September 2018</b>	Lawatan Pensyarah Pelawat dan Lawatan Industri	PKS	Pensyarah pelawat Sani Zamshuri Bujang, Lebuhraya Borneo Utara Ir Kueh Kim Meow, HATIKA Engineering Sdn. Bhd.

Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan sepanjang 2018 merangkumi pertandingan inovasi, lawatan akademik, dan aktiviti perkhidmatan komuniti.



Secara ringkas, bagi memastikan graduan pelajar yang dihasilkan adalah menyeluruh dan merangkumi pelbagai aspek sama ada fizikal, kognitif, emosi, dan rohani, PKS telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program seperti berikut:

### AKTIVITI 2018

<b>Tarikh</b>	<b>Aktiviti yang telah dilaksanakan</b>
03.01.2018	Mesyuarat bersama Swinburne Sarawak
10.01.2018	Lawatan pelajar Kelab Audio JSKK
12.01.2018	Talk Show Mahabbah, Pusat Islam
16.01.2018	Taklimat perkongsian ilmu, Unit Perpustakaan
19.01.2018	Majlis Penyampaian Watikah Perlantikan MPP Sesi 2018
19.01.2018	Taklimat Nilai Masyarakat Malaysia daripada Pegawai Muzium Sarawak
24.01.2018	Taklimat perkongsian ilmu Kelab Fotografi
26.01.2018	Taklimat pengakreditasian program pengajian Diploma Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan melalui ETAC
29.01.2018	Perhimpunan Bulanan Staf bersama Datuk Ketua Pengarah
29.01.2018	Mesyuarat PPSM 2018
12.02.2018	Akreditasi Surveyor Board
14.02.2018	Majlis Penutupan Diversity Voyage di Kingwood Hotel
19.02.2018	Bengkel Pembangunan Kapasiti APACC Fasa ke-5
20.02.2018	Taklimat pelaksanaan program Myagrosis dan Perkhidmatan FAMA kepada Agropreneur Muda
22.02.2018	Anugerah Ketua Jabatan, Jabatan Perdagangan
22.02.2018	Taklimat budaya sikap kerja berpasukan
26.02.2018	Mesyuarat dan perpisahan kepada En. Jemain Bin Entol, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik
27.02.2018	Pre-Council Meeting In-Country Program on Quality Assurance in TVET through APACC Accreditation
01.03.2018	Sehari bersama media anjuran Unit Pendidikan Islam
02.03.2018	Taklimat bersama pihak Perbadanan Nasional Berhad
08.03.2018	Perhimpunan Staf
08.03.2018	Sesi Perbincangan Program Kolaborasi antara PKS dan Sidma College Sarawak
12.03.2018	Taklimat bersama Pengarah PKS tentang Persiapan APACC
14.03.2018	Aktiviti menanam pokok durian musang King
15.03.2018	Petro Champs 2018
16.03.2018	Majlis Apresiasi 2017
21.03.2018	Festival Projek Inovasi Sesi Disember 2017
21.03.2018	Majlis Menandatangani Sijil kolaborasi Strategik antara PKS dan Serba Dinamik Holdings Berhad
22.03.2018	Courtesy Call
23.03.2018	Majlis Menadatangani Sijil Kerjasama Kolaborasi Strategik
28.03.2018	Jerayawara di Dewan Jubli Perak
16.04.2018	Lawatan sekolah SMK Teberang
20.04.2018	Massive Open Online Course Politeknik Malaysia
23-27.04.2018	Quality Assurance in TVET through APACC Accreditation
04.05.2018	Majlis Penutupan Quality Assurance in TVET
15.05.2018	Mesyuarat bersama MARA Kuching
16.05.2018	Agihan Kurma dari Pusat Islam
21.05.2018	Bengkel Pemantapan Kapasiti APACC PKS
25.06.2018	Minggu Suai Kenal 2018
29.06.2018	Majlis Ramah Tamah dan Gawai Raya JMSK 2018
03.07.2018	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Nasional Research and Innovation Conference
04-05.07.2018	Audit dan Lawatan APACC PKS
13.07.2018	Majlis Penutupan Mesyuarat IAKKP

## AKTIVITI 2018

Tarikh	Aktiviti yang telah dilaksanakan
19.07.2018	Majlis Penutupan Festival Seni Khat dan Jawi Zon Borneo
27.07.2018	Perhimpunan Staf anjuran JMSK
02.08.2018	Pameran Projek Pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam
03.08.2018	Majlis Penyerahan Sumbangan Zakat IPTA oleh Bank Islam
07.08.2018	Majlis Anugerah Ketua Jabatan Majlis Perasmian Karnival Konvokesyen Ke-26
08-09.08.2018	Majlis Konvokesyen PKS Ke-26
15.08.2018	Bridge Model Competition 2018
16.08.2018	Majlis Penutupan Bridge Model Competition 2018
17.08.2018	Taklimat dari JUPEN
07.09.2018	Borneo English Language Festival 2018
14.09.2018	Mesyuarat bersama FUJITSU
19.09.2018	NRICON Conference 2018
20.09.2018	Kursus EKSA
26-27.09.2018	Kenyalang National Geomatic Colloquium 2018
04-05.10.2018	ETAC Day
05.10.2018	Program Sayangi Alam Sekitar
10.10.2018	Festival Pameran Projek dan Inovasi Sesi Jun 2018
15.10.2018	Town Hall Zon Sarawak
16.10.2018	Mesyuarat bersama panel dan Pegawai Perhutanan Mesyuarat Pengarah-Pengarah Politeknik
19.10.2018	Majlis Apresiasi Pelajar 2018
24.10.2018	Lawatan Kolej Vokasional Betong
26.10.2018	Lawatan Sekolah Simgang Program Educator 4.0 PPPT Zon Sabah dan Sarawak
29.10.2018	Bengkel Pemurnian dan Penyelarasian Dokumen APACC
06.11.2018	Majlis Menandatangani Minit Persetujuan Kolaborasi PKS dan Politeknik Ketapang Indonesia
16.11.2018	Perhimpunan Bulanan Staf anjuran Pentadbiran
26.11.2018	Lawatan Kolej Komuniti Beaufort
27.11.2018	Mesyuarat Audit EKSA dan Audit EKSA Bil. 1/2018
04.12.2018	Minggu Suai Kenal Sesi Disember 2018
06.12.2018	Majlis Penutupan Minggu Suai Kenal
07.12.2018	Perhimpunan Bulanan, Jabatan Kejuruteraan Petrokimia
14.12.2018	Majlis Sambutan Maulidur Rasul 2018
19.12.2018	Taklimat perkongsian APACC

POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada semua pihak yang telah membantu dalam menjayakan Laporan Tahunan Politeknik Kuching Sarawak 2018 sama ada secara langsung atau tidak langsung.

**Tulus ikhlas daripada  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**





(K) Kamaludin Bi